

PERANG MENENTANG KESULTANAN BRUNEI DI BAU PADA ABAD KE-19

Lawrence Law

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perang antara penduduk daerah Bau dengan Pengiran Indera Mahkota yang berlaku pada awal abad ke-19. Perang tersebut dipimpin oleh Datu Patinggi Ali. Pengikut beliau terdiri daripada orang Melayu dan Bidayuh. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian sejarah melalui analisis dokumen dan manuskrip telah dipilih untuk menjawab persoalan dalam penulisan ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mencetuskan peperangan tersebut adalah kerana kekejaman Pengiran Indera Mahkota terhadap penduduk di daerah Bau. Walaupun tiada pihak yang menang dalam peperangan tersebut, tetapi Datu Patinggi Ali dan para pengikutnya akhirnya berjaya menghalau Pengiran Indera Mahkota dan kerabatnya dari Sarawak pada akhir tahun 1846.

Kata Kunci: Perang, Menentang, Kesultanan Brunei

PENGENALAN

Pada umumnya, perang yang berlaku pada era penjajahan sepanjang abad ke-19 di Sarawak merangkumi segala peristiwa pertempuran yang melibatkan pertumpahan darah antara pihak penjajah dan penduduk tempatan yang menentang penjajahan. Di samping itu, perang tersebut merangkumi konflik-konflik kecil dalam bentuk penentangan dan serangan secara mengejut. Salah satu peristiwa perang yang berlaku pada abad ke-19 di Sarawak ialah perang menentang kesultanan Brunei di Bau.

Pada abad ke-16, kesultanan Brunei merupakan kuasa yang terkuat di Borneo. Kebanyakan wilayah di kawasan pantai Borneo termasuk Sarawak berada di bawah jajahan takluk kesultanan Brunei. Sehingga tahun 1521, kesultanan Brunei telah mengenakan ufti ke atas penduduk Borneo dan selatan Filipina (Peter Bellwood dan Matussin Omar, 1980 : 158).

Menurut D. E. Brown (1970 : 142), kehadiran dan perluasan pengaruh Sepanyol di selatan Filipina merupakan detik permulaan kemerosotan kuasa dan pengaruh kesultanan Brunei. Usaha kesultanan Brunei menyebarkan ajaran Islam di selatan Filipina telah mencetuskan konflik dengan Sepanyol dan menyebabkan kedua-dua pihak berperang. Serangan Sepanyol ke atas Brunei pada tahun 1644

menyebabkan kuasa kesultanan Brunei terus merosot (Peter Bellwood dan Matussin Omar, 1980 : 158). Begitu juga dengan penguasaannya dalam kegiatan perdagangan di Borneo. Sistem ekonomi Brunei yang bersifat maritim terjejas teruk akibat ancaman kuasa kolonialis Barat seperti Sepanyol, Portugis dan Belanda. Kehadiran kolonialis Eropah yang membawa bersama mereka sistem monopoli telah mengganggu corak dan aktiviti perdagangan yang sejak sekian lama diterajui kesultanan Brunei dengan penduduk-penduduk di Borneo. Akibat daripada campur tangan dan persaingan kuasa kolonialis, kuasa kesultanan Brunei semakin merosot dan menjadi lemah awal abad ke-19 (J. Kathirithamby-Wells, 1970 : 120; Colin N. Crisswell, 1978 : 4).

Kemerosotan penguasaan ekonomi menyebabkan penderitaan dan menimbulkan kekacauan di Brunei dan tanah jajahannya. Sultan Brunei semakin bergantung kepada kutipan cukai dan ufti sebagai punca utama pendapatannya. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk dan berlaku anarki politik di wilayah-wilayah taklukan Brunei. Sarawak mengambil kesempatan dalam situasi ini untuk membebaskan diri daripada pengaruh politik pembesar Brunei.

Cubaan untuk membebaskan diri daripada pengaruh kesultanan Brunei amat kuat dalam kalangan orang Melayu dan orang Bidayuh di kawasan Siniawan, Bau (J. Kathirithamby-Wells, 1970 : 121). Pemimpin mereka ialah Datu Patinggi Ali, seorang pembesar Melayu Santubong yang dilantik oleh Sultan Brunei sebagai Gabenor Sarawak sekitar tahun 1820-an. Beliau memindahkan pusat pentadbirannya dari Santubong ke Lidah Tanah (Chang Pat Poh, 1997 : 97).

Datu Patinggi Ali merupakan pemimpin tempatan yang bijak, berani, berwibawa dan baik hati (Tugu Pahlawan, Jabatan Muzium Sarawak). Beliau sentiasa menghulurkan bantuan dalam bentuk makanan, pakaian dan menyediakan tempat berteduh kepada golongan yang memerlukan. Datu Patinggi Ali mengamalkan corak pemerintahan yang adil dan saksama kepada semua kaum. Oleh itu, beliau disukai dan dihormati oleh bukan sahaja orang Melayu, bahkan kaum Bidayuh dan Cina yang tinggal di kawasan Lidah Tanah, Siniawan dan Ketupang. Datu Patinggi Ali menetap di Siniawan (Buyong Adil, 1974 : 10). Pada era pemerintahannya, Lidah Tanah telah dibangunkan sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan yang penting di Sarawak (Chang Pat Poh, 1997 : 97-98).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji faktor-faktor yang mencetuskan perang menentang Kesultanan Brunei di Bau pada abad ke-19.
2. Mengupas peristiwa perang di antara Datu Patinggi Ali dengan Pengiran Indera Mahkota.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang mencetuskan perang menentang kesultanan Brunei di Bau pada abad ke-19?
2. Bagaimanakah perang di antara Datu Patinggi Ali dengan Pengiran Indera Mahkota berlaku?

FAKTOR-FAKTOR YANG MENCETUSKAN PERANG

Pada tahun 1823, bijih antimoni telah dijumpai di Siniawan dan Jambusan. Emas pula telah dijumpai di Bau. Pada masa itu, Datu Patinggi Ali masih memegang jawatan sebagai Gabenor Sarawak, lantikan oleh sultan Brunei. Pembesar Melayu yang tinggal di Lidah Tanah telah mengupah orang Bidayuh dan Cina melombong bijih antimoni di Siniawan. Aktiviti melombong bijih antimoni telah dijalankan dengan lancar. Akan tetapi apabila sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II mengetahui tentang penemuan bijih antimoni dan emas di daerah Bau, baginda dengan segera melantik Pengiran Indera Mahkota menjadi Gabenor Sarawak menggantikan Datu Patinggi Ali bagi membolehkan Brunei menguasai lombong dan perdagangan antimoni (Alice Yen Ho, 1998 : 2).

Perlantikan Pengiran Indera Mahkota sebagai Gabenor Sarawak dan kehadirannya bersama kerabat pengiran Brunei untuk menerajui tampuk pemerintahan Sarawak kurang disenangi para pembesar Melayu tempatan. Pengiran Indera Mahkota dikatakan telah merampas kuasa mereka sebagai pembesar tradisional tempatan dan hak memungut cukai daripada orang Iban dan Bidayuh. Mereka juga dihalang berniaga garam, pakaian dan besi dengan orang Iban dan Bidayuh. Dipercayai, semua kegiatan perdagangan dikuasai oleh Gabenor Brunei tersebut. Oleh itu, pembesar-pembesar Melayu tempatan merasakan bahawa kedudukan dan kuasa mereka mulai tercabar dan semakin terhakis dengan perlantikan Pengiran Indera Mahkota sebagai Gabenor Sarawak yang baharu.

Pengiran Indera Mahkota telah memindahkan pusat pentadbiran Sarawak dari Lidah Tanah ke Santubong pada tahun 1826 dan kemudiannya ke Kuching. Beliau dikatakan menggunakan alasan ancaman lanun semasa memindahkan pusat pentadbirannya ke Kuching. Akan tetapi tindakan tersebut sengaja beliau lakukan untuk mengurangkan pengaruh dan kuasa Datu Patinggi Ali. Pengambilalihan kuasa mentadbir Sarawak dari Datu Patinggi Ali membolehkan Pengiran Indera Mahkota menguasai sepenuhnya aktiviti perlombongan dan perdagangan antimoni di Bau (Chang Pat Poh, 1995 : 88).

Pengiran Indera Mahkota memerintah Sarawak secara autokratik. Mulai tahun 1826, beliau didakwa memaksa orang Bidayuh dan Melayu di daerah Bau

bekerja keras melombong antimoni untuk meningkatkan pengeluaran antimoni. Kehidupan buruh Bidayuh dan Melayu di daerah Bau bertambah sengsara apabila Pengiran Indera Mahkota mengarahkan pegawai-pegawainya merampas simpanan padi dan perahu mereka. Para pengiran Brunei dikatakan telah memaksa orang Bidayuh membeli barangan, seperti besi dan keperluan lain dengan harga yang berlipat ganda daripada harga asal. Mengikut dakwaan sesetengah penulis, jika orang Bidayuh gagal membayarnya, mereka dipaksa menyerahkan remaja lelaki dan perempuan kepada pembesar-pembesar Brunei (J. C. Templer, 1853 : 110; Paul Remek, 1996 : 1; Chang Pat Poh, 1997 : 21). Di samping itu, Pengiran Indera Mahkota dan pembesar-pembesar Brunei yang lain dikatakan telah merampas hasil-hasil seperti ikan, sarang burung dan barangan lain tanpa bayaran daripada orang Melayu, Bidayuh dan Cina di daerah Bau (Buyong Adil, 1974 : 10).

Mullen mendakwa orang Bidayuh dan Melayu yang dipaksa bekerja keras di lombong antimoni merupakan pengikut Datu Patinggi Ali. Beliau telah lama memimpin mereka sebelum kedatangan Pengiran Indera Mahkota. Beliau sangat marah apabila menyedari penderitaan para pengikutnya yang bekerja sebagai buruh paksa di lombong antimoni kepunyaan Pengiran Indera Mahkota. Datu Patinggi Ali menjadi bertambah marah apabila Pengiran Indera Mahkota memaksa pengikutnya membayar cukai yang sangat tinggi. Di samping itu, mereka tidak boleh berniaga secara bebas seperti dulu kerana Pengiran Indera Mahkota menguasai semua aktiviti perniagaan (Vernon Mullen, 1960 : 38).

Selepas selama sepuluh tahun hidup menderita bekerja sebagai buruh paksa dan diperintah dengan kejam, Datu Patinggi Ali mengumpul pengikutnya dari Siniawan untuk bangkit menentang Pengiran Indera Mahkota. Penentangan mereka bermula pada tahun 1836. Datu Patinggi Ali dibantu oleh Datu Bandar, Datu Amar dan Datu Temenggong. Sebagai langkah awalnya, pengikut Datu Patinggi Ali membina kubu-kubu pertahanan di Siniawan, Lidah Tanah dan tempat-tempat lain di hulu Bau. Matlamat mereka ialah mengusir Gabenor Brunei tersebut dan seterusnya membebaskan Sarawak dari penguasaan Kesultanan Brunei.

Perang menentang Pengiran Indera Mahkota disemarakkan lagi dengan sokongan Pengiran Usop, seorang kerabat diraja Brunei yang telah dilucutkan jawatannya. Pengiran Usop mempunyai kepentingan dalam perdagangan antimoni dan menganggap Pengiran Indera Mahkota sebagai saingan dan musuhnya. Pada tahun 1836, beliau telah menyeru orang Bidayuh dan Melayu di daerah Bau untuk berperang menentang Pengiran Indera Mahkota. Pengiran Usop turut meminta bantuan senjata dan makanan dari Sultan Sambas untuk membantu pejuang tempatan (J. Kathirithamby-Wells, 1970 : 122; Joginder Singh Jessey, 1986 : 95; Sabihah Osman, 1990 : 15-16). Sultan Sambas bersetuju membekalkan senjata kepada para penentang tersebut (Surat Brooke kepada Templer, 1841). Dorongan dan bantuan Pengiran Usop telah menyemarakkan lagi semangat penduduk Siniawan dan Bau untuk berperang menentang Pengiran Indera Mahkota.

Dalam pada itu, Mundy (1848 : 188) mendakwa pembesar dan penduduk di daerah Bau melancarkan perang kerana menentang kawalan ketat Gabenor Brunei ke atas penglibatan mereka dalam aktiviti perdagangan dan perlombongan. Mereka tidak menyukai cara-cara Pengiran Indera Mahkota serta pengiran Brunei yang lain menguasai dan mengawal aktiviti perdagangan antara penduduk tempatan. Dakwaan yang dibuat oleh Mundy (1848 : 188) nampaknya agak berasas kerana beliau merujuk kepada rekod James Brooke yang menyatakan golongan pedagang tempatanlah yang telah memulakan kekacauan di daerah Bau. Matassim Haji Jibah (1979 : 39) sependapat dengan Mundy dengan mengatakan bahawa, "*Mahkota himself was involved in the antimony trade and he seemed able to control the trade. Because of this, some people who had an interest in the trade, felt neglected and began to resist his rule.*" Justeru, Datu Patinggi Ali dan para pengikutnya mempunyai alasan yang kuat untuk bangun menentang dan melancarkan perang terhadap Pengiran Indera Mahkota.

PERISTIWA PERANG

Perang menentang Pengiran Indera Mahkota walaupun berlanjutan pada tempoh yang lama tetapi kurang melibatkan pertumpahan darah. Tidak banyak pertempuran sengit berlaku antara kedua-dua belah pihak. Datu Patinggi Ali memilih Siniawan sebagai pusat penentangannya. Selain itu, pengikut Datu Patinggi Ali membina kubu di Lidah Tanah dan di hulu sungai Sarawak. Datu Patinggi Ali mengarahkan para pelombong dari Siniawan dan Bau berkumpul di Siniawan. Beliau mengatur strategi peperangan dan memberi kata-kata perangsang serta nasihat kepada mereka. Mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh menentang Pengiran Indera Mahkota. Setelah beberapa kali melancarkan perang, mereka masih gagal mengalahkan Pengiran Indera Mahkota. Pada masa yang sama, Pengiran Indera Mahkota juga tidak dapat mengalahkan Datu Patinggi Ali (Chang Pat Poh, 1987 : 26).

Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II menyedari penduduk Siniawan sukar dikalahkan dan perang berlanjutan. Keadaan ini menyebabkan pengeluaran bijih antimoni semakin berkurangan dan pendapatan Sultan Brunei turut merosot. Sultan Brunei mengambil keputusan untuk menghantar bapa saudaranya dan bakal penggantinya, Pengiran Muda Hashim ke Kuching untuk membantu Pengiran Indera Mahkota. Kehadiran Pengiran Muda Hashim tidak mematahkan semangat para pejuang Siniawan. Lagipun, Pengiran Muda Hashim gagal menyelesaikan masalah kerana Pengiran Indera Mahkota tidak dipecat jawatannya dan masih meneruskan kegiatannya (Mohd Isa Othman, 1999 : 115). Kedudukan Datu Patinggi Ali dan para pengikutnya masih teguh. Mereka tekal berjuang dan berperang dengan beraninya. Peperangan yang kadang kala dipanggil perang saudara ini berterusan dan bertambah buruk apabila pada tahun 1838 setelah

Sultan Sambas berjanji membantu Datu Patinggi Ali. Terdapat juga maklumat yang mengatakan pihak Belanda dari Kalimantan pernah merancang untuk membantu penduduk daerah Bau untuk mengalahkan Pengiran Indera Mahkota (Elizabeth Pollard, 1972 : 2).

Pengiran Muda Hashim menyedari angkatan perang Datu Patinggi Ali sukar dikalahkan. Beliau meminta bantuan daripada seorang pengembara Inggeris, James Brooke yang pada ketika itu berada di Kuching. James Brooke singgah di Kuching atas permintaan Gabenor Bonham (Negeri-negeri Selat) dan ahli-ahli perniagaan di Singapura untuk menghantar surat penghargaan kepada Pengiran Indera Mahkota. Tujuan surat tersebut ialah untuk mengucapkan terima kasih kepada Pengiran Indera Mahkota kerana beliau telah menyelamatkan beberapa orang anak kapal British yang ditimpa kemalangan di perairan Brunei (Vincent H. K. Foo & Chai Foh Chin, 2001 : 5). Semasa meminta bantuan James Brooke, Pengiran Muda Hashim telah berjanji untuk menyerahkan Sarawak serta melantik James Brooke sebagai Gabenor, jika beliau berjaya menghapuskan penentangan penduduk Siniawan (J. Kathirithamby-Wells, 1970 : 122). James Brooke yang sememangnya bercita-cita tinggi bersetuju dengan tawaran tersebut.

Pada tahun 1840, James Brooke dan beberapa orang anak kapal *Royalist* berlayar ke hulu Sungai Sarawak sehingga ke Siniawan. Kapal tersebut dilengkapi dengan senjata api moden. Beberapa pertempuran telah berlaku dan pada masa yang sama beberapa rundingan telah diadakan dengan Datu Patinggi Ali. James Brooke akhirnya dikatakan berjaya menundukkan angkatan perang Datu Patinggi Ali di kubu Lidah Tanah dengan bantuan 600 orang tentera sambilan yang terdiri daripada orang Iban, Melayu dan Cina yang menyokongnya (*The Sarawak Government Gazette*, 1949 : 334-335; Craig A. Lockard dan Graham E. Saunders, 1992 : 15; Alice Yen Ho, 1998 : 9). Pada ketika itu, pengikut-pengikut Datu Patinggi Ali terpaksa berundur kerana mereka menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan dan ramai daripada mereka telah kebuluran, terutamanya orang Bidayuh. Ketika itu, kebanyakan orang Bidayuh telah kembali ke kampung masing-masing untuk menanam padi huma kerana musim menanam padi sudah tiba. Kaum Bidayuh terpaksa meninggalkan sekutu Melayu mereka (Joan Rawlins, 1969 : 20).

RUMUSAN

Pada akhir tahun 1840, Datu Patinggi Ali bersetuju menghentikan perang dengan syarat Pengiran Indera Mahkota dan kerabatnya meninggalkan Kuching dan tidak menjatuhkan hukuman terhadap beliau dan para pengikutnya (N.J. Ryan, 1963 : 104). Dengan persetujuan di atas, perang menentang Pengiran Indera Mahkota berakhir. Datu Patinggi Ali dan para pengikutnya akhirnya berjaya menghalau Pengiran Indera Mahkota dan kerabatnya dari Sarawak.

Pengiran Indera Mahkota mendakwa bahawa perang tersebut dilancarkan untuk menghapuskan penentangan orang Bidayuh dan orang Melayu yang dipimpin oleh Datu Patinggi Ali terhadap kerajaannya. Kesultanan Brunei mendakwa bahawa penentangan tersebut telah menimbulkan keadaan huru-hara dan memberi kesan buruk terhadap kegiatan perdagangan dan perlombongan antimoni di Siniawan.

Namun begitu, bagi penduduk Siniawan, kajian ini mendapati bahawa faktor utama yang menyebabkan mereka berperang menentang Pengiran Indera Mahkota ialah kerana mahu membebaskan diri daripada kezaliman dan penindasan yang dilakukan Gabenor tersebut dan para pegawainya terhadap mereka. Orang Melayu dan Bidayuh telah hidup menderita selama sepuluh tahun akibat perbuatan kejam dan penindasan yang dilakukan terhadap mereka. Oleh itu, mereka telah bersatu di bawah pimpinan Datu Patinggi Ali dan melancarkan perang selama beberapa tahun ke atas Pengiran Indera Mahkota dengan matlamat untuk membebaskan diri dan seterusnya menghalau Gabenor tersebut dari daerah Bau.

RUJUKAN

- Alice Yen Ho. (1998). *Old Kuching*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Bellwood, P. dan Matussin Omar. (1980). "Trade patterns and political development in Brunei and adjacent areas, A. D. 700 – 1500", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4, hal. 155 – 179.
- Brown, D. E. (1970). *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Brunei: Brunei Museum.
- Buyong Adil. (1974). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chang Pat Poh. (1995). *The Land of Freedom Fighters*. Kuching: Lee Ming Press.
- Chang Pat Poh. (1997). *Heroes of The Land of Hornbill*. Kuching: Lee Ming Press.
- Crisswell, C. N. (1978). *Rajah Charles Brooke - Monarch Of All He Surveyed*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- J. Kathirithamby-Wells. (1970). "Sarawak and Sabah: Their Origins", dalam Zainal Abidin Wahid, *Glimpses of Malaysian History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joginder Singh Jessy. (1986). *Sejarah Asia Tenggara (1824-1965)*. Kedah: Penerbitan Darulaman.
- Lockard, C. A. And Saunders, G. E. (1992). *Old Sarawak - A pictorial study*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Matassim Jibah. (1979). "Pengiran Indera Mahkota Shahbandar Mohammad Salleh and James Brooke in the history of Brunei", *The Brunei Museum Journal*, Vol. 4 (3), hal. 39.
- Mohd Isa Othman. (1999). *Gerakan protes dalam perspektif sejarah Malaysia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20*. Universiti Sains Malaysia: Utusan Publication.
- Mullen, V. (1960). *The Story of Sarawak. (2nd Edition)*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mundy, R. (1848). "Narratives of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labuan" From the Journals of James Brooke, Esq., *Rajah of Sarawak and Governor of Labuan. Together with a Narrative of the Operations of H.M.S. Iris*, 2 Vols. London: John Murray.
- Pollard, E. (1972). *Kuching Past and Present*, Kuching : Borneo Literature Bureau.
- Rawlins, J. (1969). *Sarawak 1839 to 1968 (Second Edition)*. London: Macmillan.
- Remek, P. (1996). *A brief history of Bau*. Diakses pada 6 April 2020 daripada <http://ace.cdc.abu.com>.
- Ryan, N. J. (1963). *The Making Of Modern Malaysia and Singapore, 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Surat Brooke kepada Templer, 25 September 1841. Mikro Filem, Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia.
- Templer, J. C. (1853). *The Private Letters of Sir James Brooke, K. C. B., Rajah of Sarawak*. London: John Bentley.
- "The Almanac: 20th December: Berlidah Captured, 1840". (1949). *The Sarawak Government Gazette*, No. 1101, hal. 334-335.
- Tugu Pahlawan, Jabatan Muzium Sarawak.
- Vincent H. K. Foo and Chai Foh Chin. (2001). *Story of The Sarawak Steamship Company*, Kuching : The Sarawak Steamship Co. Bhd.